



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT OLEH MENTERI PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN JEPUN KE ATAS MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

KUALA LUMPUR, 5 OKTOBER 2023 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, TYT Miyashita Ichiro semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) serta Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan pada 4 Oktober 2023.

Jepun merupakan salah satu rakan dagang Malaysia yang aktif dalam sektor produk pertanian. Nilai dagangan pertanian antara Malaysia dan Jepun mencatatkan peningkatan sebanyak 45.68% iaitu dari RM5.21 bilion pada tahun 2021 ke RM7.59 bilion pada tahun 2022, menunjukkan potensi perdagangan pertanian yang tinggi antara kedua-dua negara.

Pertemuan ini merupakan yang pertama antara kedua-dua Menteri bertujuan bagi membincangkan isu berkaitan keterjaminan dan keselamatan makanan antara dua hala. Kedua-dua negara turut bersedia untuk memperkukuhkan kerjasama menerusi bidang pertanian, perdagangan aktif dan kerjasama teknikal meliputi Pelan Kerjasama ASEAN-Jepun MIDORI, di mana negara anggota ASEAN termasuk Malaysia berpeluang mendapatkan pendedahan kepada teknologi pertanian Jepun yang moden. Malaysia menyambut baik perkara ini dan ianya selaras dengan teras Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang mendukung pemodenan dan pertanian pintar melalui perkongsian atau kolaborasi antarabangsa antaranya dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Semasa pertemuan ini juga, Miyashita Ichiro menyampaikan jemputan kepada Mohamad bagi menghadiri International Horticultural Exposition di Yokohama pada tahun 2027. Dalam pada itu, Mohamad turut menyampaikan jemputan kepada pihak Jepun untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan diadakan pada tahun 2024.

Pertemuan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri, YB Tuan Chan Foong Hin, Ketua Setiausaha, Datuk Lokman Hakim Ali dan pegawai-pegawai kanan KPKM, serta Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan wakil dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA).

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) ke-45 berlangsung di Kuala Lumpur pada 2 hingga 6 Oktober ini memberi tumpuan untuk mengukuhkan kedudukan ASEAN sebagai 'bakul makanan dunia'. Selaku tuan rumah, Malaysia menyatakan komitmen untuk melipatgandakan usaha memacu kerjasama lebih erat antara negara anggota bagi memelihara keterjaminan makanan di rantau ini.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
5 OKTOBER 2023**